


# Antara Ayat Pasif dengan Ayat Songsang



Buku *Tatabahasa Dewan* sesuai digunakan untuk panduan penggunaan bahasa Melayu.

Antara binaan ayat dalam bahasa Melayu yang menarik untuk dibincangkan ialah ayat pasif dan ayat songsang. Pengguna bahasa Melayu memilih kedua-dua gaya binaan ayat itu mengikut tujuan masing-masing dan untuk menekankan sesuatu keadaan atau hal.

Mengikut *Tatabahasa Dewan* Edisi Ketiga (2008:484), ayat pasif ialah ayat yang mengutamakan "objek asal" sebagai judul atau unsur yang diterangkan. Objek asal yang dikatakan itu ialah kata nama atau frasa nama yang berfungsi sebagai penyambut yang asalnya terdapat dalam ayat aktif transitif. Dalam ayat pasif itu, objek itu diletakkan pada permulaan ayat. Dengan hal itu, objek asal itu dianggap sebagai judul atau unsur yang diterangkan. Hal ini dapat dilihat pada contoh yang berikut:

1. **Ayah** sedang mengecat dinding rumah nenek.
- 1a. Dinding rumah nenek sedang dicat oleh **ayah**.

Sebagai ayat aktif transitif, ayat 1 mengutamakan subjek, iaitu **ayah**. Frasa "dinding rumah nenek" merupakan objek bagi kata kerja aktif **mengecat** dalam ayat itu. Namun begitu, apabila ayat itu dijadikan ayat pasif, objek itu menjadi subjek. Pada masa yang sama, **ayah** turut bertukar kedudukan menjadi sebahagian daripada predikat. Yang jelas, ayat 1 mengutamakan pelaku perbuatan, iaitu **ayah**, manakala ayat 1a mengutamakan sasaran perbuatan, iaitu "dinding rumah nenek", namun maksud yang disampaikan masih sama.

Ayat pasif dikenali melalui penggunaan imbuhan kata kerja pasif **di-**, **diper-**, **di...-kan**, **di...-i**, **diper...-kan** dan **diper...-i**. Lihat contoh ayat yang berikut:

2. Dewan itu mahu **diperbesarkan** oleh ketua kampung.
3. Dua gol telah **dijaringkan** oleh pemain itu.
4. Tang **ditemani** oleh Razak semalam.
5. Tarian kuda kepang **dipersembahkan** oleh kumpulan itu.
6. Diri **diperhambai** oleh pahlawan itu kepada sultan.

Selain beberapa variasi **di-** di atas, imbuhan kata kerja pasif juga boleh terdiri daripada **ber-**, **ter-** dan **ke...-an**. Imbuhan yang bergaris dalam ayat 7 hingga ayat 9 di bawah merupakan bentuk pasif kerana boleh digantikan dengan **di-**.

7. Pakaianya belum lagi **bergosok**.
- 7a. Pakaianya boleh lagi **digosok**.
8. Beg sandangnya **terambil** oleh Badrul.
- 8a. Beg sandangnya **diambil** oleh Badrul.
9. Dia **kehujanan** malam tadi.
- 9a. Dia **ditimpa hujan** malam tadi.

Selain jenis di atas, terdapat juga jenis pasif kata ganti nama diri orang pertama dan kedua. Ayat ini terhasil daripada ayat aktif transitif yang subjeknya merupakan kata ganti nama diri orang pertama dan kedua. Bentuk pasif bagi ayat pasif jenis ini terdapat pada kata ganti nama diri pertama atau kedua yang diikuti oleh kata kerja pasif. Kebiasaannya, imbuhan pada kata kerja itu digugurkan. Contohnya adalah seperti yang berikut:

10. **Saya** sedang menulis **artikel tentang bahasa**.
- 10a. **Artikel tentang bahasa** sedang **saya** tulis.
11. **Kamu** perlu menghantar **tugasan itu** pada minggu hadapan.

- 11a. **Tugasan itu** perlu kamu hantar pada minggu hadapan.

Satu lagi jenis ayat pasif ialah ayat pasif dengan perkataan "**kena**". Ayat pasif ini menggunakan perkataan "**kena**" sebelum kata kerja. Perkataan itu dianggap bentuk pasif kerana boleh digantikan dengan imbuhan pasif **di-**. Yang berikut ialah contohnya:

12. Pencuri itu **kena tahan** oleh pengawal keselamatan.
- 12a. Pencuri itu **ditahan** oleh pengawal keselamatan.

Ayat songsang pula ialah ayat yang terbalikkan susunannya daripada ayat biasa. *Tatabahasa Dewan* Edisi Ketiga (2008:478-479) mendefinisikan ayat songsang sebagai ayat yang mengalami proses pendepanan atau penjudulan. Dengan kata lain, dalam ayat songsang, konstituen predikat yang asalnya mengikut subjek dipindahkan ke hadapan subjek. Hal ini dapat dilihat pada contoh ayat yang berikut:

13. **Adik-beradiknya sangat baik hati.** (Ayat biasa)
- 13a. **Sangat baik hati adik-beradiknya.** (Ayat songsang)

Ayat songsang terbahagi kepada ayat songsang seluruh predikat dan ayat songsang sebahagian daripada predikat. Ayat songsang seluruh predikat bermaksud semua unsur predikatnya dikedepankan. Hal itu menyebabkan semua bahagian subjeknya diletakkan pada bahagian akhir ayat. Contohnya adalah seperti yang berikut:

14. **Mereka sudah melangsungkan perkahwinan.** (Ayat biasa)
- 14a. **Sudah melangsungkan perkahwinan mereka.** (Ayat songsang)
15. **Rombongan tersebut dari Amerika Latin.**
- 15a. **Dari Amerika Latin rombongan tersebut.**

Ayat songsang sebahagian daripada predikat pula bermaksud ayat yang binaannya mengedepankan sebahagian daripada unsur predikat untuk mendahului subjek. Dalam binaan ayat songsang ini, dua bahagian predikat mengapit konstituen subjek. Ayat songsang sebahagian daripada predikat ini hanya terbentuk bagi ayat yang mempunyai keterangan pada bahagian predikatnya.

16. **Urusan itu diselesaikan menjelang tengah hari.** (Ayat biasa)

Lagu waaie - Malay Language

- 16a. Diselesaikan urusan itu menjelang tengah hari. (Ayat songsang)
- 16b. Menjelang tengah hari urusan itu diselesaikan. (Ayat songsang)

Dalam ayat 16, bahagian yang bergaris itu ialah konstituen predikatnya. Predikat itu sebenarnya terdiri daripada bahagian utama, “diselesaikan”, dan bahagian keterangannya, “menjelang tengah hari”. Apabila bahagian utama dikedepankan untuk mendahului subjek, bahagian tambahan atau keterangan ditinggalkan di belakang sekali. Maka, terbentuklah ayat songsang sebahagian daripada predikat seperti dalam contoh 16a atau 16b. Dari segi penekanan, ayat 16 mengutamakan hal atau perkara, ayat 16a mengutamakan perbuatan, dan ayat 16b mengutamakan waktu. Walaupun penekanannya berbeza, maksud kesemua ayat itu masih sama.

Berdasarkan huraian di atas, jelaslah bahawa ayat pasif dan ayat songsang memiliki persamaan tertentu. Yang jelas ialah kedua-duanya tergolong dalam ayat terbitan. Yang dimaksudkan sebagai ayat terbitan ialah ayat yang mengalami perubahan aturan atau struktur ayat tertentu berbanding dengan ayat asalnya. Ayat pasif terbit daripada ayat aktif transitif dan ayat songsang terbit daripada ayat susunan biasa.

Sehubungan dengan ayat terbitan itu, jika dilihat dari konteks proses penerbitan ayat, ayat pasif dan ayat songsang tergolong sebagai ayat yang mengalami penyusunan semula. Penyusunan yang berlaku ialah pemindahan kedudukan konstituen dan pertukaran fungsi konstituen tertentu. Untuk ayat pasif, objek ayat aktif transitif bertukar menjadi subjek. Sebaliknya, subjek ayat aktif transitif bertukar peranan menjadi sebahagian unsur binaan predikat ayat pasif. Bagi ayat songsang, kedudukan subjek dan predikat disusun semula. Subjek ayat biasa yang asalnya berada di hadapan akan berubah ke belakang predikat.

Persamaan juga terletak pada tujuan atau penekanan yang hendak disampaikan oleh pengguna bahasa. Kedua-dua ayat dipilih untuk menekankan sesuatu hal. Perkataan atau frasa yang diletakkan pada permulaan ayat dapat menjelaskan keutamaan atau hal yang hendak diberikan penekanan.

Ayat pasif dan ayat songsang juga mempunyai beberapa perbezaan. Untuk memudahkan pemahaman, kelainan tersebut dijelaskan mengikut aspek yang berikut:

Aspek Perbezaan	Ayat Pasif	Ayat Songsang
Asal ayat	Ayat pasif berasal daripada ayat aktif transitif.	Ayat songsang berasal daripada ayat susunan biasa atau ayat biasa.
Jenis ayat	Ayat pasif terdiri daripada tiga jenis, iaitu ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif, ayat pasif dengan kata ganti nama diri pertama dan kedua, dan ayat pasif dengan perkataan <i>kena</i> .	Ayat songsang terdiri daripada dua jenis, iaitu ayat songsang seluruh predikat, dan ayat songsang sebahagian daripada predikat.
Pola ayat	Ayat yang boleh disasifkan ialah ayat yang berpola frasa nama dan frasa kerja (FN + FK) sahaja.	Ayat yang boleh disongsangkan ialah ayat yang berpola frasa nama dan frasa kerja (FN + FK), frasa nama dan frasa nama (FN + FN), frasa nama dan frasa adjektif (FN + FA), dan frasa nama dan frasa sendi nama (FN + FS).
Subjek ayat	Subjek ayat pasif berbeza daripada subjek ayat aktif transitif. Hal ini terjadi kerana subjek ayat pasif ialah objek daripada ayat aktif transitif.	Subjek ayat songsang sama dengan subjek ayat biasa. Hal ini disebabkan subjek dan predikat tidak berubah peranan walaupun terjadi perubahan kedudukan atau susunannya.
Struktur kata	Struktur kata kerja aktif transitif berubah menjadi kata kerja pasif. Lazimnya, bentuk imbuhan <i>meN-</i> dalam ayat aktif transitif bertukar kepada <i>di-</i> dalam ayat pasif.	Semua perkataan dalam ayat songsang tidak mengalami sebarang perubahan struktur.

Kesimpulannya, ayat pasif dan ayat songsang adalah antara binaan ayat yang mempunyai peranan tertentu. Penggunaan kedua-dua ayat itu menghasilkan gabungan gaya dalam penggabungan sesuatu wacana. Selain itu, kewujudannya memperkaya sintaksis bahasa Melayu. Fenomena sedemikian dapat menjadikan persembahan wacana bahasa Melayu menarik dan berkesan. **[23]**